

Betulkan kesalahan ejaan, tanda baca, imbuhan dan penggunaan kata dalam petikan yang berikut. Berhati-hati ketika menaip jawapan. Pastikan ejaan yang betul dan *menggunakan huruf kecil*.

Farisha tidak sabar hendak melihat keindahan Jambatan Angkat Terengganu. Di situ, dia akan menyaksikan *teknoloji* seni bina tumpuan rakyat Malaysia dan *pelancung* asing. Matanya melilau-lilau untuk mencari tempat itu. Encik Farid hanya tersenyum ketika melihat *gelagat*nya.

"Kita sudah tiba. Kita berjalan kaki ke jambatan itu. Sementara itu, kamu boleh melihat *panorama* indah di sini," kata Encik Farid.

"Wah, cantiknya seni bina? Tidak saya sangka *malaysia* ada binaan sehebat ini!" luah Farisha.

Encik Farid sekeluarga disambut mesra oleh pegawai penerangan di situ, Setelah membeli tiket, mereka melalui laluan keselamatan dengan teknologi imbasan kod bar untuk ke galeri di jejantas puncak. Mereka naik ke atas dengan lif?

Anak-anak Encik Farid teruja apabila *bepijak* pada lantai kaca lut sinar di hujung jejantas puncak itu. Namun begitu, mereka mula gementar apabila *dipandang* muara di bawahnya. Menurut Encik Farid, lantai kaca itu tahan pecah kerana *mengpunyai* *ketebalkan* 75 sentimeter dengan *susunkan* kaca sebanyak tiga lapis.

Mereka berkumpul di tempat khas untuk melihat operasi jambatan itu. Menurut Pegawai Penerangan, jambatan itu menggunakan teknologi *hidraulik* baskul yang antara *tercanggih* di dunia. Daun jambatan akan *menaikkan* bagi laluan kapal dan diturunkan semula bagi kenderaan lain secara cepat dan selamat! Semasa operasi tersebut, lampu isyarat *autometik* untuk kenderaan dan pengguna akan dinyalakan dan diiringkan dengan siren khas.

Sebelum pulang, mereka mengabadikan kenangan berlatarbelakangkan jambatan ikonik tersebut dengan foto interaktif Augmented Reality (AR).